

**GELARAN
ORANG MELAYU
PERAK**

GELARAN ORANG MELAYU PERAK

Mohd. Zulkifli Hj. Abdul Aziz

diedit oleh

Prof. Madya Dr. Norazil Selat

Diterbitkan oleh:
Persatuan Muzium Malaysia
Muzium Negara
50566 Kuala Lumpur

Editor Penyelaras: Jazamuddin Baharuddin
Rekabentuk: Shahnan Abdullah
Foto: Zaleha Tasrib

Cetakan Pertama 1992

© Hakcipta: Mohd Zulkifli Haji Abdul Aziz

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian karya ini dalam apa juga bentuk tanpa mendapat keizinan bertulis daripada penulisnya atau Yang Dipertua, Persatuan Muzium Malaysia.

APB 734526

25 JUL 1995

NASKHAT PEMERIKHAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dicetak oleh
United Selangor Press Sdn Bhd
Kuala Lumpur

KANDUNGAN

ix Penghargaan

xi Prakata

1 Bab I: Latar Belakang Gelaran-Gelaran di Negeri Perak

5 Bab II: Gelaran-Gelaran dan Asal Usulnya

20 Bab III: Daerah Yang dikuasai Oleh Orang-Orang Yang
Memakai Gelaran

24 Bab IV: Penilaian Masyarakat Terhadap Orang-Orang Yang
Bergelar

27 Bab V: Kesimpulan

29 Lampiran

052485



PENGHARGAAN


Buku ini mungkin tidak dapat diterbitkan tanpa sumbangan yang berharga orang-orang yang tertentu. Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Encik Yunus Maris, penyelia latihan ilmiah saya dan bekas pensyarah Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, yang telah memberi nasihat dan tunjuk ajar yang amat berguna semasa saya menyiapkan kajian ini pada tahun 1966.

Saya juga tidak melupakan jasa Allahyarham Tok Muda Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, dari Bukit Chandan, Kuala Kangsar yang telah banyak memberi bantuan yang berharga semasa kajian ini dilaksanakan. Beliau bukan sahaja telah sanggup meluangkan masanya untuk menerangkan berbagai-bagai perkara berkaitan dengan kajian ini tetapi juga telah sanggup meminjamkan kepada saya dokumen-dokumen penting yang tidak ternilai harganya. Semoga Allah mencururkan rahmat ke atas rohnyanya.

Saya juga berhutang budi kepada jasa-jasa Yang Berhormat Setiausaha Dewan Negara serta kakitangan Pejabat Dewan Negara Bukit Chandan, Kuala Kangsar (1966) kerana memberikan saya izin untuk menggunakan kemudahan-kemudahan dan dokumen-dokumen yang ada untuk kajian ini.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Muzium Malaysia kerana usaha-usahanya menerbitkan buku ini.

Mohd. Zulkifli Hj. Abdul Aziz



PRAKATA

Buku ini telah dipadankan daripada latihan ilmiah berjodol, *Sistem Gelaran Di Kalangan Masyarakat Melayu Perak* yang telah dikemukakan oleh pengarang kepada Jabatan Pengajian Melayu sebagai memenuhi syarat keperluan Sarjana Muda Sastera 1966. Di dalam buku ini, pengarang, Hj. Mohd. Zulkifli bin Hj. Abdul Aziz, yang sekarang ini bertugas sebagai Ketua Pengarah, Muzium Negara Malaysia, telah berusaha untuk menghuraikan secara terperinci bukan sahaja gelaran-gelaran yang terdapat di Perak, tetapi beliau juga cuba menganalisis asal-usul gelaran-gelaran tersebut. Daripada kajiannya, beliau berpendapat bahawa hanya gelaran Mior sahaja yang betul-betul berasal dari Perak.

Gelaran memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan orang Melayu, ia diperolehi ataupun dikurniakan kerana dua faktor penting, pertama kerana kedudukan seseorang itu di dalam keluarganya dan kedua oleh kerana kedudukannya dan sumbangannya kepada masyarakat negeri. Di dalam sistem kekeluargaan Melayu, setiap ahli keluarga tersebut ada gelaran atau panggilannya masing-masing. Ketua rumah lelaki akan dipanggil bapa, ayah, dan sebagainya oleh anak-anaknya sementara pasangan perempuannya pula akan dipanggil ibu, emak, umi dan sebagainya. Sistem gelaran ini juga diamalkan kepada anak-anak. Di dalam sistem Adat Perpatih contohnya, perbilangan Adat ada mengatakan,

Kecil bernama
Besar bergelar

Maksudnya, semasa kecil seseorang itu akan dipanggil mengikut namanya sahaja. Kalau dia bernama Nordin, dia akan dipanggil dengan nama Nordin, Nurudin ataupun Din sahaja tetapi apabila dia mempunyai adik-adik dia akan dipanggil gelaran yang dihasikan untuk kedudukannya dalam keluarga tersebut. Kalau dia anak yang sulung,

maka dia akan dipanggil Embung, Abang Embung atau Abang Ulung, kalau dia anak kedua, Ngah dan anak ketiga, Alang. Selepas ini sistem gelaran itu tidak begitu jelas lagi. Anak-anak berikutnya akan diberi gelaran Acek, Andak, Hitam, Putih, Acik atau Cu/Su. Gelaran hitam atau putih akan diberi mengikut warna kulit si pemegang gelaran tersebut. Kalau dia putih maka dia akan dipanggil Utih. Gelaran Cu pula diberi kepada anak yang bongsu, sementara gelaran Acik adalah kepada anak yang kecil atau mungkin yang bongsu juga, tetapi pada ketika gelaran itu diberi si ibu bapa masih belum pasti yang anak itu adalah anak yang bongsu sekali.

Apabila pemegang-pemegang gelaran di dalam keluarga ini meningkat dewasa dan mereka berkahwin dan mendapat anak, gelaran-gelaran mereka juga mengalami sedikit perubahan. Si ibu dan bapa juga akan bertukar gelaran mereka. Setelah bercucu, si ibu akan dikenali sebagai Uwan, Opah, Tok dan lain-lain lagi, sementara si bapa pula dipanggil dengan gelaran Tuk, Atuk, Tuk Wan dan lain-lain lagi. Abang yang sulung pula setelah memperolehi anak buah, atau anak saudara, akan dikenali sebagai Pak Long atau Pak Ulung sementara isterinya pula dikenali sebagai Mak Long atau Mak Ulung.

Jadi di dalam masyarakat Melayu gelaran-gelaran diberi mengikut status seseorang itu, sama ada di dalam keluarga ataupun di dalam masyarakat. Gelaran di dalam keluarga dikenali sebagai *ascribed status*, iaitu status yang pasti diperolehi berdasarkan kedudukan seseorang itu di dalam keluarganya. Tergolong di dalam *ascribed status* ini ialah gelaran-gelaran seperti Tengku, Raja, Syed, Megat, Mior, Nik, Wan dan lain-lain lagi. Gelaran-gelaran ini pula, lazimnya, akan diwarisi turun temurun mengikut nisab sebelah bapa.

Gelaran daripada bintang-bintang yang dikurniakan oleh Raja atau Sultan pula merupakan *achieved status*, iaitu status yang dicapai. Di dalam hal ini mungkin juga berlaku mobiliti sosial, iaitu seseorang yang tidak mempunyai sebarang gelaran apabila diberi gelaran Dato', contohnya, akan mendapat kedudukan yang lebih mulia dan tinggi di dalam masyarakatnya. Dia juga akan banyak berdamping dengan Dato'-Dato' yang lain khususnya berkaitan dengan adat-istiadat di istana.

Di dalam buku ini, pengarangnya, telah banyak menumpukan kajiannya kepada gelaran-gelaran yang merupakan *ascribed status*, khususnya gelaran-gelaran tradisional yang terdapat di Perak, seperti gelaran-gelaran bagi Orang-Orang Besar Empat, Orang-Orang Besar Lapan, Orang-Orang Besar Enam Belas dan Orang-Orang Besar Tiga Puluh Dua. Sebagai lampiran, beliau juga telah memuatkan cara-cara berpakaian, pada waktu siang dan malam, bukan sahaja bagi Orang-Orang Besar ini tetapi juga bagi golongan Raja Perak.

Adalah menjadi harapan Persatuan Muzium Malaysia agar saudara pembaca semua akan mendapat manfaat daripada buku ini.
Terima kasih.

Prof. Madya Dr. Norazit Selat



BAB 1

Latar Belakang Gelaran-Gelaran Di Negeri Perak

Bab ini akan membincangkan latar belakang gelaran-gelaran di negeri Perak untuk menunjukkan yang gelaran-gelaran terdapat itu wujud sesudah Perak beraja. Sungguhpun telah terdapat kerajaan Perak yang tertua sekali, iaitu Gangga Negara,¹ tetapi kerajaan ini tidak diberi perhatian yang utama di dalam kajian ini kerana kita tidak tahu apakah jenis pemerintahannya dan gelaran-gelaran yang ada pada masa itu. Yang penting bagi kita ialah kerajaan sesudah Gangga Negara ialah kerajaan Perak yang wujud hingga ke hari ini.

Selepas Sultan Muzaffar Shah, putera Sultan Mahmud² Melaka yang lari ke Kampar menjadi sultan di sana sesudah Melaka dialahkan oleh orang-orang Portugis, menjadi Sultan yang pertama Perak, barulah beberapa gelaran timbul, seperti gelaran Bendahara dan gelaran Megat.³ Gelaran Megat yang berasal dari Raja itu mula digunakan kerana di antara orang-orang yang datang bersama Sultan Muzaffar Shah ke Perak ialah Megat Terawis (Lihat asal usul Megat).

Kalau kita lihat sejarah Perak sebelum beraja, seperti yang tercatat dalam dongeng sejarah,⁴ kita dapati pemerintahan Tok Masuka, (salah seorang pemimpin pada masa itu) yang memerintah sekumpulan kecil orang-orang yang mendiami sesuatu tempat yang tertentu sahaja, tidak mungkin mewujudkan gelaran-gelaran yang terdapat pada hari ini seperti gelaran-gelaran Bendahara, Dato', Tok dan lain-lain lagi.⁵ Tidak mungkin juga terdapat Orang-Orang Besar Negeri yang memakai berbagai-bagai gelaran pada masa pemerintahan Tok Masuka tersebut. Apabila Perak mempunyai Raja atau Sultan yang

1 Abdullah Hj. Musa, *Sejarah Perak, Dahulu Dan Sekarang*, Terbitan Qulam, Singapura, hlm. 1.

2 W.G. Shellabear, *Sejarah Melaka*, hlm. 10 dan 11.

3 Tok Muda Raja Ruzman bin Raja Abdul Haniff, P.J.K., *Hubin Perak Dalam Sejarah*, Regius Press, Ipoh, 1963.

4 *Ibid.*, hlm. 2.

5 *Ibid.*, hlm. 2.

pertama, cara dan kawasan pemerintahan negeri juga menjadi besar, tersebar di seluruh negeri Perak. Tentulah ada orang-orang tertentu yang berkuasa di tempat-tempat yang khusus dan orang-orang tersebut akan menjadi tangan penyambung Raja untuk menyampaikan titah perintah baginda kepada rakyat sekalian.⁶ Untuk membezakan darjat dan kedudukan orang-orang yang berkuasa dengan orang-orang di bawah kuasa atau jagaan mereka Sultan telah mengadakan berbagai-bagai gelaran, seperti gelaran Orang Besar Empat, Orang Besar Lapan, Orang Besar Enam Belas dan Orang Besar Tiga Puluh Dua. Pada orang-orang besar ini ada pula berbagai-bagai gelaran untuk diri mereka dan mereka dikenali dengan gelaran-gelaran tersebut. Misalnya Orang Besar Empat dikenali dengan nama empat jawatan, iaitu (a) Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, (b) Orang Kaya Besar Maharaja Diraja, (c) Orang Kaya Temenggung Paduka Raja dan (4) Orang Kaya Menteri Paduka Tuan. Mereka ini menakai gelaran Wan, menunjukkan mereka itu Orang Besar Empat Negeri Perak dan bahasa panggilan untuk mereka ialah Tengku.⁷

Di kalangan keluarga Diraja pula terdapat beberapa gelaran, seperti gelaran Sultan atau Yang Dipertuan bagi Raja Pemerintah. Bakal penggantinya pula terdiri daripada Raja Muda, Raja Bendahara, Raja Di Hilir, Raja Di Hulu, Raja Di Darat dan Raja Di Baruh dan Raja Kecil Bongsu.⁸ Begitulah kedudukan mereka pada mulanya tetapi pada masa ini gelaran-gelaran Raja Bendahara, Raja Di Hulu, Raja Di Darat dan Raja Di Baruh telah dimansuhkan.⁹ Bagi isteri-isteri mereka pula dikurniakan juga berbagai gelaran, seperti gelaran Raja Perempuan bagi isteri Sultan.

Boleh dikatakan berbagai-bagai gelaran telah timbul apabila Perak sudah beraja. Kebenaran ini tidak dapat dinafikan kerana pada zaman sebelum Perak beraja tidak dapat kita jumpai atau ketahui tentang adanya gelaran-gelaran yang masih wujud hingga ke hari ini, seperti gelaran-gelaran Megat, Mior dan lain-lain lagi.

Dalam zaman pemerintahan Sultan Mansor Shah (Sultan Perak II T.M. 1549–1577)¹⁰ telah timbul gelaran Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja. Begitu juga dalam zaman pemerintahan Sultan Iskandar Dzulkarnain (Sultan Perak XV),¹¹ baginda telah memperbaiki aturan pangkat Orang-Orang Besar Perak. Pangkat yang tertinggi sekali ialah Sultan diikuti oleh Raja Muda dan Bendahara (khas pada keluarga baginda sahaja). Pangkat orang kebanyakan yang tertinggi sekali ialah

6 J.M. Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, University of London. The Athlone Press, 1958, hlm. 21.

7 *Adat Lembaga Orang Melayu Di Dalam Negeri Perak*, Ziniah Press, Taiping, 1935.

8 Ibid.

9 "Undang-Undang Tubuh Negeri Perak", Government Printer, Kuala Lumpur.

10 Cenderamata Pertabalan Sultan Perak 33, 1963, hlm. 35.

11 Buyong bin Adil, "*Sejarah Alam Melayu*", Penggal V, hlm. 14.

Orang Kaya Besar, Temenggung dan Menteri, yang dinamakan Orang Besar Empat, selepas itu Orang Besar Lapan dan Enam Belas.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah, kedatangan Raja Muzaffar Shah ke Perak menjadi Sultan Perak yang Pertama telah menimbulkan berbagai-bagai gelaran dan gelaran-gelaran itu ditambah lagi kemudiannya oleh Sultan Sultan yang berikutnya.

Kisah Ringkas Kesultanan Perak

Mengikut dongeng sejarah,¹² negeri Perak yang tertua sekali bernama Gangsa Negara tetapi kerajaan ini telah dialihkan oleh Raja Suran.¹³ Selepas itu tidak terdapat lagi cerita tentang Gangsa Negara serta pemerintahannya, sehinggalah timbul pula satu dongeng sejarah¹⁴ yang lain yang menyatakan tentang pembukaan Hulu Perak oleh Tun Saban anak Tun Perak dari Melaka. Menurut dongeng sejarah itu, apabila Tun Saban sampai ke Perak negeri itu belum beraja lagi tetapi penduduknya sudah ramai dan mempunyai seorang ketua yang bernama Tok Masuka.¹⁵ Sebelum Tok Masuka meninggal dunia dia berwasiat menyuruh cari gantinya seorang raja yang berasal daripada keturunan Sang Sapurba, yang turun di Bukit Si Guntang.

Selepas kematian beliau, Tun Saban pun pergi ke Kampar, Sumatera, memohon putera Sultan Mahmud supaya menjadi raja di Perak (Sultan Mahmud Shah ialah Sultan yang terakhir di Melaka. Baginda telah melarikan diri ke Kampar dan menjadi Sultan di sana sesudah Melaka dialihkan oleh orang-orang Portugis). Sultan Mahmud Shah mengurniakan puteranya yang bernama Raja Muzaffar Shah untuk menjadi Raja di Perak. Raja Muzaffar Shah telah ditabalkan menjadi Sultan yang pertama negeri Perak.

Pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah ini, baginda telah memanggil Tun Mahmud¹⁶ (anak Tun Isap Berakahi dengan Puteri Siat) yang bergelar Seri Agar Diraja dan memerintah di Selangor pada masa itu, datang ke Perak dan diangkat menjadi Bendahara Perak yang pertama.

Menurut suatu riwayat,¹⁷ pada masa Megat Tarawis menjadi Bendahara, baginda Sultan telah memanggil Tok Engku Malim dari Kerajaan Minangkabau datang ke Perak untuk mengasaskan undang-undang negeri Perak dan mewujudkan gelaran Orang-Orang Besar. Di bawah pemerintahan baginda telah dianugerahkan kepada Shariff

12 Abdullah Hj. Musa, *op.cit.*, hlm. 1.

13 Shellbaur, *op.cit.*, hlm. 10-11.

14 Tok Muda Raja Razman, *op.cit.*, hlm. 2.

15 *Ibid.*, hlm. 2.

16 *Ibid.*, hlm. 2.

17 *Riwayat Negeri Dataran Raja-Raja Serta Orang Besar*, Dokumen kepunyaan Tok Muda Raja Razman P.J.K., Bukit Chandan, Kuala Kangsar.

Hussin Ibni Jamalullail gelaran Menteri Paduka Tuan dan Tok Pasir Panjang bin Tun Kelalang bin Tun Saban memakai gelaran Tok Seri Nara Bangsa. Toh Abdul Kahar bin Jalak Puteh Mata bin Tun Undan bin Tun Saban bergelar Toh Permai Duwangsa dan Tok Brulak (Keramat Serban Hijau — makam di Pulau Pinang) bin Tok Hilang Di Pilih bin Tun Kelalang bin Tun Saban bergelar Seri Adika Raja.

BAB II

Gelaran-Gelaran Dan Asal Usulnya

Gelaran-gelaran yang akan dibincangkan di dalam kajian ini bukanlah gelaran-gelaran yang terdapat di dalam keluarga, tetapi yang dimaksudkan di sini ialah gelaran-gelaran yang terdapat di kalangan masyarakat Melayu seperti gelaran Raja, Syed, Megat, Mior dan lain-lain lagi. Orang-orang yang mempunyai berbagai-bagai gelaran ini mempunyai berbagai-bagai status atau darjah di kalangan masyarakat dan mereka itu juga mempunyai asal usul yang berlainan.

Di negeri Perak terdapat berbagai-bagai gelaran yang dapat diselidiki asal usulnya. Boleh dikatakan semua gelaran-gelaran itu dibawa masuk dari luar negeri Perak kecuali satu gelaran sahaja yang betul-betul berasal dari negeri Perak. Gelaran itu ialah gelaran Mior; kisah asal usulnya akan dibicarakan kemudian.

Gelaran-gelaran yang terdapat di Perak ialah:-

- a) Raja
- b) Syed
- c) Tun
- d) Megat
- e) Wan
- f) Mior
- g) Dato'
- h) Tok
- i) Tuan
- j) Tuanku
- k) Cik dan Encik
- l) lain-lain gelaran atau panggilan.

ASAL USUL GELARAN

Raja

Asal perkataan Raja itu ialah daripada perkataan sanskrit *Rajah*¹⁸ yang bererti putera raja ataupun pemerintah, khasnya, Raja Pemerintah Yang digelar Yang Dipertuan. Gelaran Raja itu dipakai juga pada peribadi Raja yang bukan pemerintah negeri dan oleh puteri-puteri Raja di Perak. Gelaran Raja ini lazimnya dipakai pada zaman dahulu di Melaka, di Pahang dan di Johor, tetapi di Johor kemudiannya, gelaran Raja itu telah digantikan dengan gelaran Tengku.¹⁹

Beberapa dongeng sejarah²⁰ ada menyatakan tentang kisah asal usul Raja-Raja Perak. Dongeng-dongeng sejarah itu menggambarkan keturunan Raja yang luar biasa untuk mengagungkan kebesaran, kedaulatan dan martabat bangsa Raja. Hal seperti ini bukan terdapat pada keturunan Raja-Raja Perak sahaja tetap juga pada Raja-Raja lain di alam Melayu ini.²¹

Secara umum bangsa Raja itu ialah "seorang yang beristeri dengan samanya Raja, dan beroleh anak daripada keduanya itu, dan itulah bernama Raja bangsa-wan".²²

Di Perak gelaran Raja terbahagi kepada tiga kumpulan:

- a) Raja Pemerintah
- b) Raja Bergelar
- c) Raja Tidak Bergelar

Ada syarat-syarat dan ciri-ciri yang tertentu yang digunakan untuk membezakan ketiga-tiga kumpulan Raja ini dan ciri-ciri tersebut dapat dilihat di dalam *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak*.

(a) Raja Pemerintah

Di antara syarat-syarat bagi Raja Pemerintah, sebagaimana yang terdapat di dalam *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak* ialah, "Raja pemerintah hendaklah ianya seorang lelaki Melayu daripada darah Diraja mengikut keturunan daripada benih boleh membaca dan menulis dan beragama Islam bermazhab Shafie". Di dalam syarat lain pula Raja Pemerintah itu,

"hendaklah seorang zuriat diakui telah diperanakkan dengan jalan yang halal daripada tubuh badan dan darah daging Sultan yang kelapan belas

18. Wilkinson's, *Malay-English Dictionary* (Romanized) Part III.

19. Ibid.

20. Lihat Raja Chulan, *Miss Melayu*, Prestaka Antara, Kuala Lumpur, 1962; Raja Razman, *op.cit.*; Shellabear, *op.cit.*

21. J. M. Gullick, *op.cit.*, hlm. 45.

22. Tardjan Haditjaya, "Adat Raja-Raja Melayu", Prestaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.

dan hendaklah ia seorang anak lelaki cucu cicit lelaki dan sebagainya dari sebelah pihak benih turun menurun hingga yang akhir sekali dan diharuskan memilih dan melantik seorang sebagai Raja Pemerintah lain daripada seorang zuriat daripada Sultan yang ke-delapan belas itu selagi ada hidup seorang zuriat sempama itu daripada Sultan itu".²³

Gelaran yang dipakai oleh Raja Pemerintah ialah Duli Yang Maha Mulia Seri Sultan²⁴ dan isteri-isteri baginda mempunyai beberapa gelaran. Gelaran Raja Perempuan diberi kepada isteri Sultan Yang berketurunan Raja dan gelaran Raja Permaisuri bagi isteri Sultan yang bukan berdarah Raja.²⁵ Pada masa pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Idris pada bulan Oktober 1963, baginda Sultan telah mengurniakan satu gelaran baru kepada salah seorang daripada isteri baginda. Gelaran baru yang timbul itu ialah gelaran Cik Puan Negara yang telah dikurniakan oleh baginda kepada isterinya yang berketurunan Cina.

Raja Pemerintah juga mempunyai beberapa orang bakal pengganti yang akan menggantikan baginda, mengikut giliran, apabila baginda mangkat. Bakal-bakal Raja Pemerintah itu dikenali dengan gelaran-gelaran Raja Muda, Raja Bendahara dan Raja Di Hilir. Mengikut Fasal 33 dalam *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak*, pada masa ini gelaran Raja Bendahara telah dimansuhkan dan bakal Raja Pemerintah yang bergelar Raja Di Hilir mengambil kedudukannya di bawah Raja Muda.

Isteri-isteri bakal Raja Pemerintah, kalau mereka itu berdarah Raja memakai gelaran-gelaran:²⁶

- (i) Raja Puan Besar bagi isteri Raja Muda;
- (ii) Raja Puan Kecil bagi isteri Raja Bendahara;
- (iii) Raja Puan Muda bagi isteri Raja Di Hilir.

Kalau isteri bakal-bakal Sultan itu tidak berdarah Rajah mereka itu memakai gelaran-gelaran:

- (i) Cik Puan Besar bagi isteri Raja Muda;
- (ii) Cik Puan Kecil bagi isteri Raja Bendahara;
- (ii) Cik Puan Muda bagi isteri Raja Di Hilir.

Untuk menjadi Raja Pemerintah di Perak, ada satu sistem yang telah diamalkan sejak dari dahulu lagi. Sistem tersebut berlainan sekali dengan sistem yang terdapat di negeri-negeri lain di Tanah

23 "Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak", Government Printer, 1960.

24 Ibid.

25 Ibid.

26 "Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak", Fasal 35, Government Printer, 1960.

Melayu ini. Di dalam sistem kesultanan Perak susunannya pada masa ini adalah seperti berikut:²⁷

- (a) Raja Pemerintah atau Sultan
- (b) Bakal-bakal Sultan yang terdiri daripada:
 - (i) Raja Muda
 - (ii) Raja Di Hilir
- (c) Raja-Raja Bergelar yang terdiri daripada:
 - (i) Raja Kecil Besar
 - (ii) Raja Kecil Sulung
 - (iii) Raja Kecil Tengah
 - (iv) Raja Kecil Bongsu

Apabila Sultan mangkat, Raja Muda menjadi Sultan dan Raja Di Hilir menjadi Raja Muda. Raja yang memegang gelaran Raja Kecil Besar menjadi Raja Di Hilir. Begitulah seterusnya hinggalah jawatan Raja Kecil Bongsu itu menjadi kosong, tetapi kekosongan jawatan ini dipenuhi pula oleh putera sulung Sultan yang baru ditabalkan itu. Dengan adanya sistem begini tidaklah pemerintahan kerajaan itu berupa turun menurun daripada bapa kepada anak, tetapi mengikut giliran adalah daripada kalangan Raja-Raja yang memegang berbagai-bagai gelaran itu tadi.

(b) Raja-Raja Yang Bergelar:

Raja-Raja yang bergelar adalah ahli-ahli kanan waris negeri dan sekiranya ada pemilihan bakal Sultan mereka ini diutamakan daripada waris negeri yang lain oleh sebab gelaran mereka. Raja-Raja yang bergelar ini dipilih dan dilantik oleh Sultan atas nasihat Dewan Negara²⁸ (dahulu Orang-Orang Besar Negeri) untuk menjadi Raja Pemerintah pada masa yang akan datang. Gelaran-gelaran bagi Raja-Raja bergelar ini ialah:

- (i) Raja Kecil Besar
- (ii) Raja Kecil Sulung
- (iii) Raja Kecil Tengah
- (iv) Raja Kecil Bongsu

(c) Raja Yang Tidak Bergelar:

Raja yang tidak bergelar adalah Raja yang tidak akan mewarisi negeri dan ini bererti mereka tidak akan menjadi Raja Pemerintah dengan jalan apa jua sekali pun. Walau bagaimanapun mereka ini ada hubungan persaudaraan dengan Raja Pemerintah. Oleh

²⁷ Ibid.

²⁸ Ibid.

itu yang dikatakan Raja yang tidak bergelar adalah Raja-Raja yang selain daripada Raja Pemerintah, bakal-bakal Sultan dan Raja-Raja bergelar.

Orang Besar Negeri:

Sebagaimana yang kita ketahui, baik pada zaman dahulu mahupun sekarang, seseorang Raja Pemerintah itu tidak boleh memerintah negerinya dengan sendiri. Ada orang-orang tertentu yang menjalankan kerja Raja Pemerintah itu. Orang-orang ini dikenali sebagai Orang Besar Negeri dan mereka memainkan peranan yang penting di dalam pemerintahan kerajaan. Merekalah yang menjunjung titah perintah dan menjadi harapan Yang Maha Mulia untuk memerintah dan menyampaikan titah perintah ke segenap ceruk rantau jajahan.²⁹ Sebagai tanda kuasa masing-masing, Duli Yang Maha Mulia mengurniakan setiap seorang mereka sebilah bawar — biasanya keris.

Orang Besar Negeri ini mempunyai berbagai-bagai gelaran dan mereka dilantik oleh Sultan atas nasihat Dewan Negara.³⁰ Ada empat bahagian di dalam pangkat Orang Besar Negeri, iaitu, Orang Besar Empat, Orang Besar Lapan, Orang Besar Enam Belas dan Orang Besar Tiga Puluh Dua. Pembahagian ini dibuat mengikut kedudukan gelaran mereka.

(a) Orang Besar Empat memegang gelaran-gelaran berikut:

- (i) Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja
- (ii) Orang Kaya Besar Maharaja Diraja
- (iii) Orang Kaya Temenggung Paduka Raja
- (iv) Orang Kaya Menteri Paduka Tuan

Selain daripada itu terdapat juga seorang lelaki lain yang memegang gelaran Tok Muda bagi tiap-tiap gelaran di atas, kecuali gelaran Tok Muda Orang Kaya Bendahara.³¹

(b) Orang Besar Lapan pula memegang gelaran-gelaran:

- (i) Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota
- (ii) Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda
- (iii) Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja

29 Ceramah, Y.M. Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, P.J.K.

30 "Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak", Fasal 38, Government Printer.

31 Ibid.

- (iv) Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja
- (v) Orang Kaya-Kaya Shahbandar Paduka Indera
- (vi) Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja
- (vii) Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan
- (viii) Orang Kaya-Kaya Maha Kurnia Indera Diraja

Ada seorang lelaki yang lain yang memegang gelaran Tok Muda bagi tiap-tiap gelaran di atas kecuali gelaran-gelaran Tok Muda Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan dan Tok Muda Orang Kaya-kaya Maha Kurnia Indera Diraja.³²

(c) Orang Besar Enam Belas memegang gelaran-gelaran:

- (i) Toh Seri Maharaja Lela
- (ii) Toh Paduka Indera
- (iii) Toh Maharaja Dewa
- (iv) Toh Maharaja Indera
- (v) Toh Shahbandar Hulu
- (vi) Toh Tan Dewa Paduka
- (vii) Toh Paduka Setia
- (viii) Toh Sedewa Raja
- (ix) Toh Paduka Raja
- (x) Toh Perdana Indera
- (xi) Toh Indera Jaya
- (xii) Toh Seri Bijaya
- (xiii) Toh Seri Lela Paduka
- (xiv) Toh Amar Seri Diraja
- (xv) Toh Raja Diraja
- (xvi) Toh Seri Wangsa

(d) Orang Besar Tiga Puluh Dua

Pada zaman dahulu orang-orang yang memakai gelaran Orang Besar Tiga Puluh Dua ini menjadi jurukerah dan bertugas, menjaga dan mengawal kehidupan dan hal ehwal agama rakyat negeri.³³ *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak* ada menyebut tentang Orang Besar Tiga Puluh Dua ini, tetapi undang-undang tersebut tidak pula memberi senarai gelaran-gelaran Orang Besar Tiga Puluh Dua itu.

Gelaran Orang-Orang Besar Negeri Perak telah mula dikurniakan di dalam zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah lagi (Sultan Perak Yang Pertama) dan berbagai-bagai

³² Ibid.

³³ Ceramah, Y.M. Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, P.J.K.

gelaran yang lain pula telah diwujudkan di dalam zaman pemerintahan Sultan-Sultan yang berikutnya.

Istiadat Menjunjung Duli Masa Menggelar³⁴

Pada masa yang telah ditetapkan, orang yang hendak digelar itu akan dijemput ke istana dan disuruh menunggu di tempat yang disediakan untuknya. Apabila segala-galanya telah sedia istiadat pun dimulakanlah. Seorang Bentara akan datang menjemput dan mengiring orang yang hendak digelar tadi ke kaki tangga istana. Kemudiannya seorang Bentara lain pula akan muncul membawa daun pisang dan daun pisang itu akan dibentangkan ke atas kepala orang yang hendak digelar itu kemudian akan dijemput Tok Seri Nara Diraja untuk membaca surat sumpah yang dikenali sebagai ciri di atas daun pisang tersebut. Pada masa ciri dibaca orang yang menerima gelaran itu hendaklah berdiri dengan berpeluk tubuh sehingga ciri habis dibaca. Sesudah itu beliau akan direnjiskan dengan tepung tawar dan ditabur bertih beras kunyit lalu dipimpin ke tempat bersalin pakaian.

Sesudah Duli Yang Maha Mulia bersemayam di atas takhta singgahsana, Tok Seri Nara Diraja pun berseru dengan nyaring suaranya kepada orang yang menerima gelar, demikian katanya, "Polan bin Polan titah dipanggil bertinggul ke seri balai". Orang yang menerima gelar itu pun datang ke seri balai, duduk di hujung balai menghadap ke singgahsana serta mengangkat tangan menjunjung duli. Tok Seri Nara Diraja berseru sekali lagi, demikian katanya, "Bahawasanya dikurniakan Allah dan Rasul serta dikurnia oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan.... Yang Dipertuan Negara Perak Darul Ridzuan. Maka pada masa inilah Polan bin Polan telah digelar Orang Kaya Anu atau Dato' Anu". Serentak dengan ini khalayak ramai yang hadir pun mengangkat tangan mereka sambil menyeru "Daulat", kemudian nafiri pun dibunyikan orang sebanyak tiga kali. Selepas itu yang digelar akan mencabut kerisnya daripada sisip dan meletakkannya di sebelah kanan sebelum bangun menjunjung duli.

Tatkala orang yang digelar itu sampai ke singgahsana, Duli Yang Maha Mulia pun mengenakan bunga panca pancara dan menabur bunga rampai serta merenjis tepung tawar. Kemudian baginda akan menghulukan bawar, biasanya keris, sebagai tanda kurnia gelaran kepada orang yang digelar tadi. Si penerima setelah menerimanya akan menyerahkan bawar tersebut kepada Bentara yang mengapitnya. Bentara itulah yang akan membawa bawar itu sehingga tamat majlis menjunjung duli.

34 "Adat Lembaga Orang Orang Melayu di Dalam Negeri Perak", 1835.

Syed

Perkataan "Saiyid" bererti "Tuan". Orang-orang bergelar Syed dikatakan keturunan daripada Rasul Allah melalui sebelah pihak bapa.³⁵ Perbezaan telah dibuat³⁶ di antara Saiyid, keturunan Nabi melalui Hasan dengan Sharif, keturunan Nabi melalui Hussin, tetapi perbezaan ini tidak dihiraukan sangat di Malaysia ini. Kesemua orang keturunan Arab digelar "Syed" bagi lelaki dan "Sharifah" bagi perempuan pula.

Ada dua jenis Syed lagi selain daripada keturunan-keturunan Hasan dan Hussin, iaitu Syed yang berasal dari Hadramaut dan Syed yang berasal dari India.³⁷ Syed dari Hadramaut merupakan satu kelas aristokrat agama dan kebanyakan mereka adalah dari keturunan yang mempunyai darjat yang tinggi daripada Syed-Syed yang lain. Syed dari India pula adalah pada nama sahaja dan bukannya daripada keturunan Nabi.

Golongan Syed di Malaysia, dipercayai berasal daripada orang-orang Arab yang mengaku mereka keturunan Nabi.³⁸ Kebanyakan Syed tersebut pada mulanya datang ke mari untuk berniaga dan mengembangkan agama Islam. Kerana sudah lama bercampur gaul dengan anak negeri ramai di antara mereka yang telah berkahwin dengan orang-orang tempatan. Anak-anak yang lahir dari perkahwinan tersebut menghasilkan berbagai-bagai gelaran. Misalnya di Perak, kalau Syed berkahwin dengan Tun anak mereka itu yang lelakinya bergelar Syed dan yang perempuannya Sharifah. Syed berkahwin dengan Sharifah anak mereka itu juga bergelar Syed bagi yang lelaki dan Sharifah bagi yang perempuan. Tetapi jika Syed berkahwin dengan perempuan kebanyakan, anak mereka itu yang lelakinya bergelar Syed dan yang perempuannya Siti.³⁹ Perkahwinan di antara Syed dengan Raja pula tidak menimbulkan gelaran baru atau pun melenyapkan gelaran yang sedia ada. Anak mereka yang lelaki tetap bergelar Syed dan yang perempuannya Sharifah. Tidak ada larangan perkahwinan di antara Syed dengan Raja dan Raja dengan Sharifah⁴⁰ tetapi dilarang sama sekali bukan Syed dan bukan Raja berkahwin dengan Sharifah kerana dipercayai mereka akan ketulahan.⁴¹ Perkahwinan di antara Syed dengan Raja tidak dilarang kerana taraf kedudukan Syed adalah dianggap sama dengan taraf kedudukan Raja, dan ada juga orang-orang di kalangan golongan

35. Wilkinson, Part II, op. cit.

36. Ibid.

37. Ibid.

38. Menurut cerita Tok Muda Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, yang tahu menahu tentang adat istiadat dan gelaran-gelaran di Perak.

39. "Adat Lembaga Orang Orang Melayu Di Dalam Negeri Perak".

40. J.M. Quillek, op. cit.

41. Ibid.

Raja yang menganggap Syed itu lebih tinggi lagi kedudukan tarafnya daripada Raja sebab Syed itu keturunan daripada Nabi.

Bagi orang-orang keturunan Syed ada satu bahasa panggilan yang dihaskan untuk mereka. Panggilan itu ialah Habib,⁴² iaitu bahasa panggilan yang halus yang dipakai sama ada dalam tulisan atau pun di dalam percakapan dengan Syed yang sudah mengerjakan Rukun Haji. Bahasa panggilan Tuan juga dipakai baik dalam tulisan mahu pun dalam percakapan dengan orang-orang yang bergelar Syed. Gelaran Tuanku digunakan juga kepada Syed dan Sharifah.

Tun

Gelaran Tun adalah gelaran yang diwarisi turun menurun. Gelaran Tun ini timbul pada kurun Masihi ke-14, (Hikayat Pasai) dan ia juga merupakan gelaran kepada menteri-menteri dan Orang-Orang Besar Pasai (Malacca Annals 54–56).⁴³ Di dalam kurun 15 gelaran Tun dipakai oleh keluarga Bendahara dan Orang-Orang Besar Melaka.⁴⁴ Pada Kurun 16 dan 17 gelaran Tun adalah gelaran yang dipakai oleh keluarga Bendahara Perak dan Johor kerana keluarga tersebut mempunyai keturunan yang sama.⁴⁵ Menurut *Hulu Perak Dalam Sejarah* orang yang memakai gelaran Tun, yang menjadi Bendahara Perak Yang Pertama, ialah Tun Mahmud (anak Tun Isap Berakah dengan Puteri Siat), tetapi Tun Mahmud kemudiannya telah dipaksa oleh Sultan Alauddin Ri'ayat Shah Johor pergi ke Johor untuk menjadi Bendahara di sana. Sungguh pun keluarga Tun di Perak telah hilang jawatan Bendaharanya, akan tetapi gelaran Tun itu tetap dipakai. Ia muncul semula dengan darjat Seri Adika Raja dalam Kurun 18 dan permulaan Kurun 19. Keluarga Tun yang memakai gelaran Seri Adika Raja di Perak adalah dari keturunan Tun Saban, anak Tun Perak (Bendahara Melaka) dan orang yang pertama memakai gelaran Seri Adika Raja ialah Tok Brulak bin Tun Saban (Keramat Serban Hijau). Hingga ke hari ini gelaran Seri Adika Raja itu dipegang oleh orang yang berketurunan Tun, walaupun orang itu bergelar Mior.

Di Johor keluarga Tun telah menaiki takhta Kerajaan Johor pada Tahun Masihi 1700.⁴⁶ Dari tarikh itu putera-putera dari keluarga yang memerintah Johor telah memakai gelaran Tengku (Tunku), sementara orang-orang yang di bawah pula, iaitu keluarga-keluarga Bendahara dan Temenggung memakai gelaran Tun.

Menurut Wilkison,⁴⁷ pada permulaan Kurun 19 darjat

42 "Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Di Dalam Negeri Perak", Taiping, 1936.

43 Wilkison, *op.cit.*

44 *Ibid.*

45 Raja Razman, *op.cit.*

46 Wilkison, *op.cit.*

47 *Ibid.*

Temenggung Johor, melalui perkahwinan, telah lepas ke tangan Ketua Bugis yang bergelar Daeng, sementara Bendahara pula masih dikenali dengan gelaran Tun. Pada akhirnya Bendahara dan Temenggung dikenali umum dengan gelaran Che Wan dan bahasa panggilan untuk mereka ialah Engkau. Di Perak pada masa ini gelaran Tun itu telah tidak dipakai lagi manakala keluarga Seri Adika Raja memakai gelaran Mior.

Sebelum Inggeris datang campur tangan di dalam pemerintahan negeri-negeri di Tanah Melayu, gelaran Tun merupakan gelaran yang diwarisi turun menurun. Orang-orang yang bergelar Tun itu memegang peranan penting di dalam pemerintahan Raja-Raja Melayu dahulu. Misalnya di zaman Kerajaan Melayu Melaka, Tun Perak⁴⁸ menjadi Bendahara yang termasyur. Anak Tun Perak, Tun Saban⁴⁹ pula telah dijemput ke Perak. Dialah yang telah menjemput Raja Muzaffar Shah dari Kampar untuk menjadi Raja Perak. Dalam zaman pemerintahan Inggeris tidak terdapat orang yang bergelar Tun yang memainkan peranan penting di dalam pemerintahan negeri.

Selepas kemerdekaan Tanah Melayu dari pemerintahan Inggeris muncul semula kepentingan gelaran Tun di dalam pemerintahan negara, tetapi gelaran Tun ini tidak lagi merupakan gelaran yang diwariskan turun menurun sebagaimana yang terdapat di zaman Kerajaan Melayu Melaka dahulu. Gelaran Tun yang ada pada masa ini hanya merupakan gelaran kehormat yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada orang-orang yang telah berjasa dan berkhidmat cemerlang kepada negara, misalnya gelaran Tun yang dikurniakan kepada Tun Razak, Tun Hussein Onn dan lain-lain lagi.

Megat

Asal nama atau gelaran Megat adalah daripada perkataan Sanskrit *Magadha*,⁵⁰ iaitu anak lelaki dari perkahwinan antara lelaki *Vaisya* dengan perempuan *Kshatriya*. Ini bermakna anak yang lahir daripada perkahwinan yang tidak sama kasta; antara perempuan kasta tinggi dengan lelaki yang berkasta rendah. Di Perak anak yang lahir daripada perkahwinan yang tidak sekuflu ini, memakai gelaran Megat kalau lelaki dan Puteri kalau perempuan. Gelaran Megat ini biasa didapati di Malaysia tetapi ia bukanlah gelaran yang dianugerahkan oleh kerajaan. Gelaran itu adalah gelaran yang diwarisi turun menurun. Gelaran Megat ini lazimnya terdapat di utara Semenanjung Malaysia dan dikatakan orang-orang yang memakai gelaran Megat di

48 W.G. Shiellabear, *op.cit.*, hlm. 79.

49 Raja Razman, *op.cit.*, hlm. 3.

50 Wilkinson, *op.cit.*

Kedah adalah keturunan daripada perkahwinan di antara orang lelaki kebanyakan dengan perempuan-perempuan yang bergelar Raja (puteri raja).⁵¹ Mungkin gelaran ini ditiru daripada gelaran yang diberi kepada anak lelaki perempuan *Kshatriya* dengan suaminya yang berkasta rendah. Gelaran Megat ada tercatat di dalam *Sejarah Melayu*⁵² sebagai nama gelaran sahaja. Megat Seri Rama adalah pembunuh Sultan Mahmud II di Kota Tinggi.⁵³

Pada masa ini jika berlaku perkahwinan di antara perempuan berketurunan Raja dengan lelaki kebanyakan, maka anaknya itu tidak lagi memakai gelaran Megat tetapi memakai nama biasa sahaja mengikut keturunan bapanya.⁵⁴

Gelaran Megat yang terdapat di negeri Perak sekarang telah dihubungkan dengan keturunan Megat Terawis.⁵⁵ Nama Megat Terawis yang sebenarnya ialah Megat Terawis ibni Daulat Pagar Ruyung. Beliau adalah anak Raja Minangkabau Daulat Pagar Ruyung dengan isteri baginda seorang anak gembala gajah istana. Megat Terawis adalah salah seorang daripada orang-orang yang datang mengiringkan Raja Muzaffar ke Perak untuk menjadi Sultan Perak yang Pertama.⁵⁶

Kemasyuran nama Megat Terawis timbul apabila terjadi pergaduhan di antara Sultan Muzaffar Shah (Sultan Perak I) dengan Tun Saban kerana Sultan Muzaffar Shah telah melarikan Tun Merah, anak Tun Saban dan hendak dijadikan gundik baginda.⁵⁷ Kerana Megat Terawis telah berjaya menewaskan Tun Saban, baginda Sultan telah mengurniakan gelaran Bendahara Paduka Raja.⁵⁸ Jawatan Bendahara Paduka Raja itu telah dipegang oleh keluarga Megat Terawis lebih daripada dua ratus tahun lamanya dan orang yang akhir memegang jawatan itu ialah Bendahara Perak yang kedelapan. Beliau telah berhenti daripada jawatan tersebut selepas beliau berselisih faham dengan Sultan Iskandar Dzulkarnain, Sultan Perak ke-XV.⁵⁹

Wan

Wan adalah gelaran yang biasa terdapat di negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia dan dikatakan orang yang memakai gelaran ini adalah keturunan orang-orang yang berdarjat tinggi. Di Perak gelaran ini digunakan oleh keturunan orang-orang Besar Perak,

51 Ibid.

52 W.G. Shellabear, *op.cit.*, jilid. 121, 122, 237.

53 Abdul Hadi bin Hj. Hussain, "*Sejarah Alam Melayu*", jilid. 224.

54 Keterangan dari Yang Berhormat Tok Muda Raja Razman.

55 Ibid.

56 Raja Razman "*Hulu Perak Dalam Sejarah*", *op.cit.*, jilid. 3.

57 Ibid., jilid. 5.

58 Raja Razman, 1963, *op.cit.*, jilid. 8.

59 Cenderamata Pertabahan Sultan Idris, Sultan Perak 33, 1963, jilid. 34.

terutamanya Orang Besar Empat.⁶⁰ Di dalam bentuk Che Wan gelaran yang tertinggi sekali dipakai oleh keturunan Orang-Orang Besar (Orang di Balai). Di Kelantan pula kedudukan gelaran Wan adalah di bawah gelaran Raja tetapi di bawah kedudukan Nik mertabatnya.⁶¹

Ada juga gelaran Wan yang didapati di Perak yang tidak ada kena mengena dengan gelaran Wan yang dipakai oleh Orang Kaya-Kaya Besar Empat. Gelaran Wan itu adalah gelaran pada nama sahaja dan diwarisi daripada keturunan Wan di luar negeri Perak. Ia tidak mempunyai darjat tertentu seperti gelaran Wan yang dipakai oleh Orang-Orang Besar Empat Negeri Perak.⁶² Terdapat juga orang-orang yang bergelar Wan yang menjadi orang yang digelar oleh Raja, tetapi mereka dilantik bukanlah kerana keturunan mereka itu berhak menjadi orang bergelar. Apa yang sebenarnya dinilai ialah perkhidmatan mereka, sama ada kepada Raja atau kepada negeri. Contoh orang bergelar Wan yang memegang jawatan bergelar, ialah Dato' Wan Muhammad Salleh, I.S.O. (*Imperial Service Order*)⁶³ yang bergelar Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Perak yang kesepuluh, iaitu salah seorang orang Besar Lapan Negeri Perak. Beliau ialah anak kepada Wan Abu Bakar bin Wan Ismail yang berasal dari Kampung Laut, Kelantan. Kerana jasa-jasa beliau kepada negeri Perak beliau telah dikurniakan gelaran Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar dan juga bintang kehormat I.S.O.⁶⁴ Beliaulah anak Melayu Perak, daripada keturunan orang kebanyakan, yang pertama sekali mendapat kurnia bintang tersebut.

Mior

Gelaran ini dikatakan berasal dari perkataan Arab, Amir.⁶⁵ Timbulnya perkataan Amir adalah dengan kehendak orang Arab juga⁶⁶ berikutan dengan perkahwinan yang berlaku di antara Sharifah dengan orang kebanyakan. Mengikut mereka, gelaran Amir bagi anak lelaki hasil daripada perkahwinan seperti ini adalah lebih baik daripada gelaran-gelaran yang lain. Bagi orang perempuan pula gelaran yang diberikan ialah Puthun.

Di dalam loghat orang Melayu Perak perkataan Amir itu telah bertukar menjadi Mior.⁶⁷ Jadi gelaran Mior itu adalah satu korupsi daripada perkataan Amir. Di antara banyak gelaran, hanya gelaran

60 Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, *op.cit.*

61 Wilkinson, *op.cit.*

62 Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, *op.cit.*

63 *Ibid.*, hlm. 57.

64 *Ibid.*, hlm. 57.

65 Wilkinson, *op.cit.*

66 Yang Berhormat Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, P.J.K.

67 Wilkinson, *op.cit.*

Mior sahaja yang betul-betul berasal dari negeri Perak kerana gelaran itu dicipta oleh orang Perak sendiri.⁶⁸

Dato'

Di negeri Perak perkataan Dato' adalah perkataan panggilan kepada orang yang mempunyai pangkat atau gelaran. Contohnya, panggilan Dato' digunakan kepada Orang Besar Lapan Negeri Perak yang bergelar Orang Kaya-Kaya seperti:⁶⁹

- i. Orang Kaya-Kaya Laksama Raja Mahkota
- ii. Orang Kaya-Kaya Seri Adika Shahbandar Muda
- iii. Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja
- iv. Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja
- v. Orang Kaya-Kaya Shahbandar Paduka Indera
- vi. Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja
- vii. Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan
- viii. Orang Kaya-Kaya Maha Kurnia Indera Diraja

Mereka inilah yang memakai gelaran Dato' secara automatik. Misalnya, panggilan pada Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja ialah Dato' Panglima Kinta⁷⁰ dan begitu seterusnya dengan gelaran Orang-Orang Besar Lapan yang lain.

Pada masa ini di Perak ada dua jenis gelaran Dato'. Jenis yang pertama dipakai oleh Orang-Orang Besar Lapan, dan isteri-isteri mereka pula bergelar Toh Puan.⁷¹ Jenis Dato' yang kedua merupakan gelaran kehormat yang dikurniakan oleh Sultan pada masa hari pertabalan atau harijadi baginda kepada rakyat yang telah berbakti kepada baginda atau pun kepada kerajaan. Mengenangkan jasa dan bakti yang diberikan kepada Raja atau pun kerajaan itu, rakyat negeri yang bukan Melayu juga boleh dikurniakan gelaran Dato'.⁷² Isteri Dato' jenis kedua ini pula bergelar Datin dan bukannya Toh Puan sebagaimana yang dipakai oleh isteri-isteri Orang-Orang Besar Lapan itu.

Sebagai perbandingan, pada masa ini, terdapat dua jenis Dato' bagi gelaran Dato' yang kedua itu. Ada Dato' Negeri (*Dato' State*) dan ada Dato' Persekutuan (*Dato' Federal*). Dato' Negeri merupakan gelaran yang dikurniakan oleh Raja-Raja Pemerintah atau Sultan-Sultan negeri kepada rakyat mereka. Dato' Persekutuan pula merupakan gelaran yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri

68 Yang Berhormat Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, P.J.K.

69 "Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Di Dalam Negeri Perak", Taiping, 1935.

70 Yang Berhormat Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, P.J.K.

71 "Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Di Dalam Negeri Perak", Taiping, 1935.

72 Yang Berhormat Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, P.J.K.

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada rakyat negara Malaysia yang telah berjasa.

Toh

Toh adalah bahasa panggilan untuk orang-orang berikut:⁷³

- i. Orang Besar Enam Belas. Semua Orang Besar Enam Belas memakai gelaran Toh atau Tok pada awal gelaran mereka.
- ii. Hulubalang-Hulubalang Panglima Besar dan Panglima Perang Kanan dan Kiri.
- iii. Tok Muda.
- iv. Bentara-Bentara, iaitu Pegawai-Pegawai dalam istana.⁷⁴
- v. Orang Besar Tiga Puluh Dua.

Tuan

Bahasa panggilan yang halus yang digunakan dalam tulisan ataupun percakapan. Lazimnya ia digunakan kepada:

- i. Syed
- ii. Haji
- iii. Pegawai-Pegawai Tinggi Kerajaan serta Ketua-Ketua Jabatan. Misalnya Hakim dipanggil Tuan Hakim, Doktor dipanggil Tuan Doktor, Pengurus dipanggil Tuan Pengurus dan lain-lain lagi.
- iv. Orang-Orang Inggeris.
- v. Perkataan tuan-tuan pula digunakan semasa berucap di khalayak ramai atau di radio dan televisyen.
- vi. Raja-Raja yang bergelar. Mereka yang muda dipanggil Tuan oleh Raja-Raja yang lebih tua umurnya.

TuanKu

TuanKu adalah perkataan ringkas bagi "Tuan Aku". Ini adalah bahasa panggilan yang digunakan di dalam percakapan atau pun tulisan dan dipakai oleh Raja-Raja, Orang-Orang Besar dan orang kebanyakan kepada:⁷⁵

- i. Sultan dan Raja Perempuan.
- ii. Raja Muda dan isterinya Raja Puan Besar.
- iii. Raja Bendahara dan isterinya Raja Puan Kecil.
(Gelaran Raja Bendahara tidak ada lagi pada masa ini).
- iv. Raja Di Hilir dan isterinya Puan Muda.

73 "Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Di Dalam Negeri Perak", Taiping, 1935.

74 Ceramah Y.M. Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, P.J.K.

75 "Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Di Dalam Negeri Perak".

76 Ibid.

Di Melaka pada zaman dahulu panggilan Tuanku telah digunakan semasa bercakap dengan Yamtuan, dan di Aceh pula, gelaran Tuanku dipakai pada keluarga-keluarga Raja yang memerintah. Di Negeri Sembilan panggilan Tuanku digunakan kepada Yamtuan Negeri Sembilan. Di Minangkabau, Tuanku itu adalah gelaran pada Raja yang memerintah dan bukannya satu cara berbahasa.⁷⁷

Cik dan Encik

Cik dan Encik adalah bahasa panggilan yang dipakai dalam tulisan atau percakapan kepada orang kebanyakan yang berpangkat dan anak orang baik-baik.⁷⁸ Pada masa ini panggilan itu dipakai pada semua orang kebanyakan tidak kira sama ada dia orang Melayu atau tidak. Perkataan ini digunakan sebagai ganti panggilan Inggeris. Mister.

Gelaran atau Panggilan lain

i) Engku, bahasa panggilan pada Raja-Raja dan dipakai pada Raja-Raja waris Negeri Perak juga.⁷⁹

ii) Tengku, gelaran pada putera dan puteri Raja. Gelaran atau panggilan Tengku ini tidak didapati di dalam *Sejarah Melayu*. Pada zaman dahulu Raja-Raja Melaka dan Johor memakai gelaran Raja. Begitu juga Raja-Raja Negeri Perak hingga ke hari ini memakai gelaran Raja. Gelaran Tengku ini hanya timbul dan menjadi penting dalam tahun Masihi 1700 apabila gelaran ini dipakai oleh keluarga pemerintah negeri Johor.⁸⁰ Sebelum tarikh itu pemerintah-pemerintah negeri Johor memakai gelaran Raja kerana mereka berasal dari keturunan Raja, tetapi selepas itu Johor telah diperintah oleh orang-orang yang bukan keturunan Raja, iaitu mereka yang bergelar Tun. Gelaran Tengku telah dipakai oleh orang-orang yang bergelar Tun ini untuk mengelakkan daripada tercemar kedaulatan Raja-Raja yang memerintah Johor sebelum T.M. 1700.

Di Negeri Perak gelaran Tengku dipakai untuk:⁸¹

- i. Orang Besar Empat
- ii. Isteri-isteri Sultan (Tengku Puan) yang bukan keturunan Raja; isteri Sultan yang berketurunan Raja bergelar Raja Perempuan atau Engku Puan.
- iii. Syed dan Sharifah.

77 Wilkinson, op.cit.

78 "Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Di Dalam Negeri Perak", Taiping, 1935.

79 Ibid.

80 Wilkinson, op.cit.

81 "Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Di Dalam Negeri Perak", Taiping, 1935.

BAB III

Daerah Yang dikuasai Oleh Orang-Orang Yang Memakai Gelaran

Orang yang memakai gelaran tertentu mempunyai kuasa di daerah tertentu juga. Jelasnya mereka yang bergelar itu ada perkaitan dengan Raja Pemerintah dan pemerintahan negeri. Bolehlah dikatakan mereka itu orang-orang Raja yang menjalankan kerja-kerja Raja.

Seperti yang kita ketahui, baik pada zaman dahulu mahu pun pada zaman sekarang, seseorang Raja Pemerintah itu tidak boleh memerintah negeri dengan sendirinya; baginda mestilah ada pembantu-pembantunya. Pembantu-pembantu Raja yang menjunjung titah perintah Raja dan Kerajaan merupakan orang-orang yang digelar oleh Raja Pemerintah, seperti Orang Besar Empat, Orang Besar Lapan, Enam Belas dan Tiga Puluh Dua dan Orang-Orang Besar ini ada jajahan tertentu yang dikuasai atau dijaga mereka.⁸² Sebagai tanda kuasa mereka, Duli Yang Maha Mulia Sultan telah mengurniakan kepada setiap mereka sebilah bawar, biasanya keris. Mereka yang digelar oleh Raja Pemerintah mempunyai kuasa di jajahan perintah masing-masing.

Pada masa ini keadaan telah berubah, cara pemerintah feodal telah digantikan oleh cara pemerintahan berperlembagaan (*constitutional*). Kuasa Raja Pemerintah dan Orang Besar Negeri adalah mengikut Perlembagaan Negeri dan Perlembagaan Persekutuan. Kuasa Orang Besar Negeri pada masa ini hanya terbatas kepada hal-hal yang berkaitan dengan adat istiadat Melayu sahaja, melantik Sultan dan bakal-bakal Sultan.⁸³ Kuasa legislatif dan eksekutif dipegang oleh golongan lain berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri. Masa dahulu misalnya, satu-satu daerah itu dikuasai oleh seorang Orang Besar Negeri (*District Chief*) tetapi

82 Buyong bin Adil, "*Sejarah Alam Melayu*", Pengkaji V., hlm. 11.

83 "*Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak*", Government Printer.

sekarang ini, walaupun masih ada lagi gelaran Orang Besar Negeri pada daerah atau jajahan tertentu seperti Dato' Panglima Kinta di jajahan Kinta,⁸⁴ kuasa pentadbiran telah diberikan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri kepada kakitangan kerajaan yang dikenali sebagai Pegawai Daerah. Jadi, Dato' Panglima Kinta itu bergelar Orang Besar Jajahan Kinta sahaja tanpa mempunyai kuasa pentadbiran di daerah tersebut. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah pemerintahan cara berperlembagaan telah melenyapkan pemerintahan feodal dan melemahkan pengaruh dan kuasa Raja dan Orang-Orang Besar Negeri.

Menurut J.M. Gullick⁸⁵ di antara mereka yang bergelar, yang mempunyai kuasa di daerah tertentu dalam tahun 1874 ialah:

- i) Orang Kaya Temenggung Paduka Raja yang menguasai daerah Kota Lama dekat Kuala Kangsar.⁸⁶
- ii) Orang Kaya Menteri Paduka Tuan menguasai seluruh jajahan Larut, dari Sungai Krian di sebelah utara hingga ke Sungai Beruas di sebelah selatan. Kuasa dan gelaran ini⁸⁷ telah diberi oleh Sultan Jaafar (Sultan Perak Ke-23 T.M. 1850—1865), dalam tahun 1864 kepada Che Ngah Ibrahim, anak Che Long Jaafar yang telah membuka jajahan Larut kerana Che Ngah Ibrahim telah membayar wang sebanyak \$17,447.00 yang dituntut oleh Gabenor Cavenagh di Singapura dalam tahun 1662 daripada Sultan Jaafar sebagai ganti kerugian kongsi Cina yang bergaduh di Larut pada masa itu. Kerana Sultan Perak tidak dapat membayar tuntutan itu baginda telah meminta Che Ngah Ibrahim menyelesaikan perkara tersebut. Sebagai balasan pertolongan Che Ngah Ibrahim, baginda telah mengurniakan gelaran Orang Kaya Menteri Paduka Tuan serta surat kuasa menjadi wakil Sultan di Larut kepada Che Ngah Ibrahim. Hingga ke hari ini Orang Kaya Menteri Paduka Tuan menjadi Orang Besar di jajahan Larut.
- iii) Tok Seri Maharaja Lela menguasai Pasir Salak.
- iv) Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota berkuasa di Durian Sebatang dan menjadi Ketua Orang Besar Hilir Perak menguasai jajahan Batang Padang. Pada masa ini Dato' Laksamana menjadi Orang Besar Di Hilir Perak. Pada masa dahulu tugas Laksamana ialah menjaga Kuala Perak kerana Laksamana merupakan satu pangkat dalam pasukan peperangan. Pada zaman dahulu sungai menjadi jalan lalu

84 Cenderamata Pertabalan D.Y.M.M. Sultan Idris, Perak, 1965, hlm. 5. (Edisi dalam Bahasa Inggeris).

85 J.M. Gullick, *op.cit.*

86 Cenderamata Pertabalan D.Y.M.M. Sultan Idris, Perak 1963, hlm. 40.

87 Buyong bin Adil, *op.cit.*, hlm. 29.

lintas dan segala serangan musuh datangnya melalui sungai. Oleh itu Laksamana ditugaskan menjaga Kuala Sungai tempat orang keluar masuk negeri.

- v) Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda. Jawatan ini telah kosong pada tahun 1874 tetapi hingga ke hari ini Orang Kaya-Kaya ini menjadi Orang Besar bagi daerah Hulu Perak. Pada zaman dahulu Orang Kaya Kaya inilah yang berkuasa penuh sebagai wakil Sultan Perak. Beliaulah yang memerintah dan memungut cukai cukai di rantau Hulu ini, sehinggalah orang-orang Inggeris masuk campur tangan di dalam pemerintahan negeri Perak.⁸⁸ Sehingga hari ini orang yang memegang jawatan ini adalah keturunan Tun Saban yang masyhur itu.⁸⁹
- vi) Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja yang berkuasa di Jajahan Kinta, dan pada hari ini beliaulah menjadi Orang Besar jajahan itu.⁹⁰
- vii) Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja. Sebelum kurun Masihi 19 beliau seorang sahajalah di antara Orang-Orang Besar Perak yang ada kena mengena dengan jajahan Larut.⁹¹ Itu pun sedikit sahaja kerana tugasnya hanyalah menjadi penjaga genting jalan masuk ke jajahan itu. Contohnya, salah seorang Panglima Bukit Gantang bernama Che Alang Idin telah menahan orang-orang Kedah yang datang menyerang Perak melalui Bukit Gantang pada tahun 1818.⁹² Jawatan Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang telah tinggal kosong sejak tahun 1871 lagi, walaupun Panglima Bukit Gantang yang akhir itu telah diiktiraf sebagai pengganti bapanya dan beliau telah mencuba sedaya upaya untuk menjalankan tugas-tugas Panglima Bukit Gantang. Sekarang ini jawatan itu telah dihidupkan semula. Oleh kerana kejatuhan kuasa Orang Kaya Menteri Paduka Tuan yang menguasai seluruh jajahan Larut dan oleh kerana pada masa ini tidak ada lagi tugas-tugas khas di Bukit Gantang, maka Dato' Panglima Bukit Gantang telah ditukarkan ke Batang Padang menjadi orang besar jajahan itu.⁹³
- viii) Orang Kaya-Kaya Shahbandar Paduka Indera menguasai daerah atau jajahan Bandar, iaitu pelabuhan di Kuala Sungai Perak. Pada masa dahulu Bandar merupakan pekan Diraja

88 Raja Razman, "Hulu Perak Dalam Sejarah", hlm. 40.

89 Ibid., hlm. 105.

90 Ibid.

91 Buyong bin Adil, *op.cit.*, hlm. 26.

92 Buyong bin Adil, *ibid.*, hlm. 25.

93 Keterangan dari Y.B. Raja Razman dan Raja Abdul Haniff, P.E.K.

di Hilir Sungai Perak dan Dato' Shahbandar mengutip cukai untuk dirinya dan juga bagi pihak Raja. Sekarang ini Dato' Shahbandar kekal menjadi Orang Besar di jajahan itu.

- ix) Dato' Seri Agar Diraja (Dato' Sagor) berkuasa di jajahan Kampung Gajah di Hilir Perak.
- x) Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan tidak ada hubungan dengan mana-mana jajahan yang tertentu. Jawatan ini adalah jawatan agama. Walau bagaimanapun tidak dapat ditentukan sama ada jawatan Imam Paduka Tuan telah diisi atau pun tidak dalam tahun 1874.

Tidak ada daftar-daftar yang tertentu yang menunjukkan kuasa dan jajahan orang-orang bergelar Orang Besar Enam Belas dan Orang Besar Tiga Puluh Dua selain daripada yang tersebut di atas pada tahun 1874.

BAB IV

Penilaian Masyarakat Terhadap Orang-Orang Yang Bergelar

Hasil daripada penilaian masyarakat terhadap orang-orang yang mempunyai gelaran dan berbagai-bagai darjat. Ada di antaranya golongan orang yang bergelar itu dipandang tinggi dan ada pula yang dipandang rendah. Masyarakat umumnya ada dasar-dasar yang tertentu untuk menentukan tinggi rendah sesuatu gelaran atau golongan orang bergelar itu. Dasar-dasar itu adalah dasar objektif dan dasar subjektif. Di sini akan dibicarakan penilaian masyarakat secara objektif sahaja, iaitu bagaimana masyarakat seluruhnya meletakkan penghormatan mereka kepada orang-orang yang bergelar itu. Di antara orang-orang yang bergelar yang dipandang tinggi darjatnya ialah orang-orang yang memakai gelaran Raja, yang terbahagi kepada Raja Pemerintah dan bakal-bakalnya, Raja-Raja Bergelar dan Raja-Raja Yang Tidak Bergelar, Raja Pemerintah, bakal-bakalnya dan Raja-Raja bergelar di golongkan pula dalam satu golongan kerana mereka itu berhak mewarisi takhta kerajaan. Manakala Raja tidak bergelar digolongkan kepada satu golongan lain kerana mereka tidak ada hak menaiki takhta. Bolehlah dikatakan bahawa golongan yang akhir ini adalah Raja biasa sahaja.

Golongan Raja yang pertama mempunyai darjat yang tertinggi, kerana dari segi kepimpinan, golongan ini menjadi pemimpin rakyat dan negeri. Tiap-tiap Raja yang memerintah diberi gelaran Ketua atau Kepala Negara. Terutamanya pada zaman dahulu mereka mempunyai kuasa legislatif dan eksekutif. Kuasa Raja dikuatkan lagi oleh kepercayaan mereka terhadap agama Islam. Dari segi agama Raja Pemerintah itu bergelar Ketua Agama Islam di negerinya. Baginda juga menjaga adat istiadat Melayu kerana adat istiadat Melayu tersebut ada kaitan dengan agama Islam. Oleh itu berbagai-bagai perkara dan tata tertib telah dikhaskan untuk Raja. Misalnya Raja menggunakan bahasanya sendiri, iaitu bahasa istana.⁹⁴ Begitu juga dengan pantang

94 J.M. Gullick, *op.cit.*, hlm 46.

larang; Raja umpamanya ada warna-warna khas mereka sendiri.⁹⁵ Warna kuning air dihaskan untuk Sultan dan warna kuning jingga untuk Raja Muda dan warna hitam bagi Raja Di Hilir. Terdapat juga lambang kebesaran dan kekuasaan Raja,⁹⁶ seperti Cap Mohor, Cap Lintar, Payung Obor, Bawar dan lain-lain lagi. Tidak ketinggalan juga terdapat adat istiadat Raja yang tersendiri berkaitan dengan kelahiran, perkahwinan, kematian, dan sebagainya.

Bagi golongan Raja yang kedua pula, iaitu Raja Tidak Bergelar, sungguh pun penghormatan masyarakat terhadap mereka sama sahaja dengan Raja-Raja yang lain, tetapi golongan ini tidak mempunyai lambang kebesaran dan kekuasaan mereka sendiri. Mereka ini tidak mempunyai kuasa seperti golongan Raja yang pertama.

Pada zaman dahulu, kerana Raja Pemerintah mempunyai kuasa penuh, iaitu kuasa legislatif dan kuasa eksekutif, terhadap negeri dan rakyatnya, baginda mendapat tempat yang tinggi sekali darjatnya dan segala kata-kata dan perintah Raja dihormati serta dituruti oleh golongan rakyat. Dipercayai sekiranya rakyat engkar, mereka akan mendapat bencana daripada Raja Pemerintah, bukan sahaja pada diri mereka tetapi juga pada keluarga mereka.

Keadaan sekarang telah berubah, Raja Pemerintah dilantik mengikut perlembagaan dan kuasa mereka juga adalah mengikut perlembagaan. Kuasa legislatif dan kuasa eksekutif Raja Pemerintah pula dipegang oleh golongan yang lain. Raja Pemerintah merupakan sebagai lambang kedaulatan negara.

Orang-orang yang bergelar Syed juga dipandang tinggi kerana masyarakat percaya bahawa mereka ini adalah keturunan Nabi. Lagi pun golongan Syed ini telah diterima oleh golongan Raja sebagai golongan yang setaraf darjat mereka dengan Raja. Tidak ada sebarang larangan atau kehilangan darjat kalau berlaku perkahwinan di antara Raja perempuan keturunan Raja dengan Syed, atau di antara Sharifah dengan lelaki keturunan Raja tetapi perkahwinan di antara orang kebanyakan dengan Sharifah dilarang sama sekali kerana takut tulah.

Penghormatan yang diberi kepada golongan Syed bukan sahaja pada masa mereka masih hidup tetapi sesudah mati pun mereka masih menerima penghormatan. Misalnya melangkah kubur Syed dianggap tulah, seperti cerita orang-orang Perak berperang dengan negeri Reman (Selatan Siam).⁹⁷ Askar-askar Perak terdiri daripada orang-orang Syed, tujuannya ialah untuk menakutkan orang-orang Reman kerana orang Syed itu adalah keturunan Nabi. Tetapi sebaliknya pula orang-orang Reman telah membunuh askar-askar Syed tersebut dan menanamkan mayat-mayat mereka dikelilingi kubu orang Reman.

⁹⁵ Ceramah Y M Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, P.J.K., hlm. 2.

⁹⁶ *Ibid.*, hlm. 5.

Sekiranya orang-orang Perak datang meyerang lagi orang-orang Perak akan ketulahan kerana melangkah kubur-kubur Syed yang mengelilingi kubu orang Reman itu.

Kerana Syed dan Raja dianggap setaraf, ada bahasa panggilan tertentu yang diberikan kepada orang-orang yang bergelar Syed. Umpanannya mereka diberi gelaran Tengku apabila menyebut atau memanggil mereka. Di samping itu mereka juga dipanggil Tuan Syed. Syed yang sudah menunaikan rukun haji dipanggil Habib.

Gelaran Wan juga mempunyai taraf dan darjat yang tinggi, kedudukannya di bawah gelaran Syed. Wan yang dimaksudkan ialah gelaran pada Orang Besar Empat Negeri Perak, dan bukannya Wan bagi orang kebanyakan. Gelaran Wan, Dato' dan Toh mempunyai darjah yang tinggi terutama di zaman dahulu kerana orang-orang yang memakai gelaran-gelaran itu mempunyai kuasa di daerah masing-masing. Di samping mempunyai kuasa mereka juga mempunyai kekayaan. Dari segi kuasa dan kedudukan ekonomi, mereka itu lebih tinggi darjatnya daripada rakyat jelata.

Masyarakat tidak meletakkan penilaian yang tinggi ke atas gelaran Megat dan Mior. Mereka mempunyai taraf dan darjat yang serupa dengan rakyat jelata. Ada juga di antara mereka itu yang mempunyai darjat yang tinggi tetapi penghormatan masyarakat terhadap mereka itu bukanlah oleh kerana keturunan tetapi oleh kerana kedudukan ekonomi ataupun pekerjaan mereka. Misalnya pada zaman dahulu Megat mempunyai taraf atau darjat yang tinggi kerana keluarga Megat telah menjadi Bendahara Perak, tetapi sesudah jawatan Bendahara Perak dipegang oleh keluarga Diraja, Megat tidak lagi merupakan satu gelaran yang tinggi darjatnya di dalam sistem gelaran Perak. Jika sekiranya pada masa ini ada orang yang bergelar Megat memegang jawatan yang penting, seperti menjadi Orang Besar Negeri atau pegawai kanan kerajaan, darjatnya adalah tinggi, tetapi ini adalah kerana pangkatnya dan bukan gelarannya. Begitu juga dengan gelaran Mior. Pada keseluruhannya darjat Mior adalah sama dengan rakyat jelata tetapi terdapat juga Mior yang diberi penghormatan yang tinggi kerana beliau menjadi Orang Besar Lapan Negeri Perak.

Sebagai kesimpulan, selain daripada Syed dan Raja, orang-orang yang ada hubungan dengan Raja dan Kerajaan dianggap tinggi darjat mereka kerana kedudukan ekonomi dan jawatan mereka itu.

BAB V

Kesimpulan

Adalah jelas bagi kita bahawa gelaran yang telah dibincangkan merupakan satu sistem yang wujud di dalam masyarakat Melayu yang bercorak feudal kerana kebanyakan gelaran-gelaran itu berkait rapat dengan negeri-negeri yang beraja. Gelaran-gelaran yang dibincangkan itu diwarisi turun menurun. Perbandingan juga telah dibuat dengan gelaran-gelaran yang dikurniakan pada masa ini, bukan sahaja gelaran yang diberikan kepada orang Melayu tetapi juga kepada orang-orang bukan Melayu, seperti gelaran Dato' yang dikurniakan oleh Kerajaan Pusat. Gelaran-gelaran seperti itu bukannya boleh diwarisi turun menurun dan orang-orang yang memakai gelaran-gelaran itu tidak pula merupakan orang-orang yang berkuasa di satu-satu jajahan.

Oleh kerana terdapatnya berbagai-bagai gelaran di kalangan masyarakat kita hari ini, kita merasakan negara kita seolah-olah masih lagi bersifat feudal, walaupun kerajaan kita sebenarnya berbentuk demokrasi. Dengan pertukaran cara pemerintahan kepada cara demokrasi ala Barat kedudukan dan status orang-orang yang mempunyai berbagai-bagai gelaran itu sangat rapuh kalau mereka mengharapkan kepada gelaran itu semata-mata. Penilaian masyarakat terhadap mereka telah berkurangan dan mungkin pada satu masa nanti gelaran-gelaran itu akan menjadi gelaran pada nama sahaja yang tidak mengandungi apa-apa makna pun. Kita lihat sahaja gelaran-gelaran Mior dan Megat yang telah disamakan tarafnya dengan golongan orang kebanyakan, tetapi pada satu masa dahulu mereka ini dihormati dan disanjung masyarakat.

Tambahan pula masyarakat Malaysia sekarang ini merupakan masyarakat yang berbilang bangsa. Masyarakat tidak lagi menilai satu-satu golongan itu semata-mata kerana gelarannya. Masyarakat menitikberatkan kebendaan dan ekonomi. Penilaian masyarakat

terhadap orang-orang bergelar itu juga berkurangan kerana seringkali golongan yang bergelar itu telah memisahkan diri mereka daripada golongan yang lain walaupun mereka adalah dari rumpun bangsa yang sama. Ini merugikan bangsa Melayu kerana di zaman ini kita mahukan bukan sahaja perpaduan di kalangan bangsa Melayu tetapi juga perpaduan seluruh bangsa di negeri kita ini. Kerana wujudnya golongan-golongan yang berbagai gelaran tersebut maka wujud juga satu jurang pemisahan di dalam masyarakat. Kebanyakan orang Melayu tidak dianggap setaraf dan taraf yang berlainan inilah yang tidak diingini.

Lampiran

ISTIADAT PAKAIAN NEGERI PERAK

Fasal Yang Pertama

Peraturan Pakaian Melayu Yang Kehormat Bagi Lelaki

- (a) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan
(warna putih atau kuning muda khas bagi Duli Yang Maha Mulia sahaja).
 - (i) Berbaju benang emas berkepok dan berseluar benang emas.
 - (ii) Berkain Pencong benang emas bertabur.
 - (iii) Bermahkota atau bertengkolok ikat solek benang emas jong sarat.
 - (iv) Berikat bengkung benang emas jong sarat.
 - (v) Berkeris terapan emas atau keris panjang.
- (b) Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda
(warna kuning jingga khas bagi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda sahaja).
 - (i) Berbaju benang emas berkepok dan berseluar benang emas.
 - (ii) Berkain pencong benang emas bertabur.
 - (iii) Bertengkolok benang emas bertabur ikat solek.
 - (iv) Berikat bengkung benang emas bertabur.
 - (v) Berkeris terapan emas.
- (c) Duli Yang Amat Mulia Raja Di Hilir
(warna hitam)
 - (i) Berbaju benang emas berkepok dan berseluar benang emas.
 - (ii) Berkain pencong benang emas bertabur.
 - (iii) Bertengkolok benang emas bertabur ikat solek.
 - (iv) Berikat bengkung benang emas bertabur.
 - (v) Berkeris terapan emas.

- (d) Duli Yang Amat Mulia Raja-Raja Bergelar
(warna ungu biji ramnia tua).
- (i) Berbaju kepok benang emas bertabor berseluar sutera.
 - (ii) Berkain pencong benang emas bertabur.
 - (iii) Bertengkolok benang emas bertabur ikat solek.
 - (iv) Berikat bengkung benang emas bertabur.
 - (v) Berkeris atau berkeris panjang.
- (e) Raja-Raja Waris Negeri
- (i) Berbaju kepok benang emas bertabur.
 - (ii) Berseluar sutera.
 - (iii) Berkain pencong benang emas bertabur.
 - (iv) Bertengkolok benang emas bertabur ikat solek.
 - (v) Berikat bengkung benang emas bertabur.
 - (iv) Berkeris pendek.
- (f) Raja-Raja Yang Bukan Waris Negeri
- (i) Berbaju kepok dan berseluar sutera.
 - (ii) Berbaju kepok dan berseluar sutera.
 - (iii) Bertengkolok ikat solek (bukan benang emas).
 - (iv) Berikat bengkung benang emas (tidak bertabur).
 - (v) Berkeris pendek.
- (g) Orang Besar Empat
(warna hijau daun kayu tua — *dark green*)
- (i) Berbaju kepok dan berseluar sutera.
 - (ii) Berkain pencong benang emas (bukan jong sarat atau bertabur).
 - (iii) Bertengkolok benang emas ikat getang pekasam warna hijau daun kayu tua (bukan jong sarat atau bertabur).
 - (iv) Berkeris pendek.
 - (v) Berikat bengkung benang emas (bukan jong sarat atau bertabur).
- (h) Orang Besar Lapan
(warna biru air laut — *ocean blue*)
- (i) Berbaju kepok dan berseluar sutera.
 - (ii) Berkain pencong benang emas (bukan jong sarat atau bertabur).

- (iii) Bertengkolok benang emas ikat getang pekasam warna biru air laut (bukan jong sarat atau bertabur).
- (iv) Berkeris pendek.
- (v) Berikat bengkung benang emas (bukan jong sarat atau bertabur).

Dato' Kehormat

- (i) Berbaju kepok berseluar sutera warna biru tua — *navy blue*.
- (ii) Berkain pencong benang emas warna merah tua — *maroon* (bukan jong sarat atau bertabur).
- (iii) Bertengkolok benang emas bertelepuk ikat getang pekasam warna hitam (bukan jong sarat atau bertabur).
- (iv) Berikat bengkung benang emas warna merah tua — *maroon* (bukan jong sarat atau bertabur).
- (v) Berkeris pendek.

- (i) Orang Besar Enam Belas
(warna kelabu tua — *lavender grey*)

- (i) Berbaju kepok berseluar sutera.
- (ii) Berkain pencong tepi dan kepala benang emas.
- (iii) Bertengkolok tepi benang emas ikat getang pekasam warna hitam.
- (iv) Berkeris pendek.
- (v) Berikat bengkung puncha benang emas.

- (j) Orang Besar Tiga Puluh Dua
(warna coklat muda — *beige*)

- (i) Berbaju kepok berseluar sutera.
- (ii) Berkain pencong kepala benang emas.
- (iii) Bertengkolok tepi benang emas ikat getang pekasam warna hitam.
- (iv) Berkeris pendek.
- (v) Berikat bengkung kain sutera.

- (k) Toh-Toh Muda
(warna bagi Toh Muda Orang Besar Empat, hijau muda — *apple green*. Bagi Toh Muda Orang Besar Lapan, biru muda — *ice blue*).

- (i) Berbaju kepok dan berseluar sutera.
 - (ii) Berkain pencong tepi dan kepala benang emas.
 - (iii) Bertengkolok tepi benang emas ikat getang pekasam warna hitam.
 - (iv) Berkeris pendek.
 - (v) Berikat bengkung puncha benang emas.
- (l) Panglima-Panglima
- (i) Berbaju kepok warna merah jingga dan berseluar hitam.
 - (ii) Berkain pencong kepala benang emas.
 - (iii) Bertengkolok tepi benang emas ikat getang pekasam warna hitam.
 - (iv) Bersundang.
 - (v) Berikat bengkung kain sutera warna merah jingga.
- (m) Bentara.
- (i) Berbaju kepok dan berseluar hitam.
 - (ii) Berkain pencong sutera hitam.
 - (iii) Bertengkolok hitam yang bukan berbenang emas ikat getang pekasam.
 - (iv) Bertumbuk lada dan berkeris bagi Penghulu Istiadat (Sri Nara Diraja).
 - (v) Berikat bengkung kain sutera warna merah muda — warna kuning muda bagi penghulu istiadat (Sri Nara Diraja).
 - (vi) Bertentaman kuning berenda emas tersampai disebelah bahu kanan.
- (n) Anak Baik-Baik
- (i) Berbaju dan berseluar sutera.
 - (ii) Berkain sutera atau benang emas tidak berbengkung (warna lain daripada warna baju seluar).
 - (iii) Berkopiah.
- (o) Pegawai Kerajaan Yang Berpangkat Tinggi (Warna kelabu asap — *light grey*).
- (i) Berbaju kepok dan berseluar sutera.
 - (ii) Berkain pencong benang emas.
 - (iii) Bertengkolok ikat solek kiri.
 - (iv) Berikat bengkung benang emas.

(p) Kadi Besar, Mufti dan Kadi

- (i) Serban fuji warna teh susu dan kopiah putih.
- (ii) Baju panjang (*Long coat*), *flannel* warna teh susu.
- (iii) Kemeja putih.
- (iv) Seluar *pantaloons* warna teh susu.
- (v) Majlis malam, baju panjang hitam dan serban hitam.

(q) Orang Jawat

- (i) Baju putih dan berseluar putih.
- (ii) Bersamping kain batik dari dalam baju.
- (iii) Bertengkolok batik ikat getang pekasam.

(r) Kundang (malam, warna hitam)

- (i) Baju putih dan berseluar putih.
- (ii) Bersamping kuning dari dalam baju.
- (iii) Bertengkolok batik ikat getang pekasam.
- (iv) Memakai wali kuning.

Kasut Bagi Semua: Kasut hitam (kulit kilat)

Di dalam majlis yang beristiadat tidak dibenarkan Raja-Raja, Orang-Orang Besar, Pegawai-Pegawai dan Anak Baik-Baik yang tersebut di atas memakai lain daripada yang di khaskan. Bagi Orang-Orang lain yang tidak termasuk di dalam golongan di atas, hendaklah memakai pakaian kehormatan yang cukup.

Fasal Yang Kedua **PAKAIAN MALAM**

Pada majlis malam dikehendaki orang-orang yang tersebut di atas memakai pakaian serba hitam. Selain daripada golongan (N) dan (P) yang lainnya hendaklah memakai tengkolok dan bengkung tetapi tanpa berkeris.

Para Panglima, Bentara, Orang Jawat dan Kundang tidak dibenarkan memakai lain daripada yang telah ditetapkan di atas di dalam mana-mana majlis.

Bagi orang lain yang tidak termasuk dalam golongan di atas, mereka hendaklah memakai pakaian kehormatan malam yang cukup.

Fasal Yang Ketiga
PAKAIAN YANG KEHORMAT BAGI PEREMPUAN

- (a) Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan, D.Y.M.M. Shah Alam dan D.Y.M.M. Raja Permaisuri. (Warna putih atau kuning muda).
 - (1) Berbaju kebaya panjang benang emas bertabur.
 - (2) Berkain benang emas jong sarat.
 - (3) Berselendang benang emas bertabur.
 - (4) Bermahkota (D.Y.M.M. Raja Perempuan sahaja).
- (b) Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar atau Che Puan Besar (warna kuning jingga).
- (c) Yang Amat Mulia Raja Puan Muda atau Che Puan Muda. Seperti di atas juga tetapi warna hitam.
- (d) Isteri-Isteri Raja Bergelar. Seperti di atas juga tetapi warna ungu biji ramnia tua.
- (e) Raja-Raja Waris Negeri.
 - (i) Berbaju kebaya panjang benang emas.
 - (ii) Berkain benang emas.
 - (iii) Selendang benang emas.
- (f) Raja-Raja Yang Bukan Waris.
 - (i) Berbaju kebaya panjang sutera.
 - (ii) Berkain benang emas.
 - (iii) Berselendang sutera.
- (g) Bagi Toh-Toh Puan — Warna mengikut warna pakaian suami.
 - (i) Berbaju kebaya panjang sutera.
 - (ii) Berkain benang emas.
 - (iii) Berselendang sutera atau kelengkan.
- (h) Bagi isteri-isteri Orang Besar Enam Belas, Tiga Puluh Dua dan Toh-Toh Muda — warna mengikut warna pakaian suami.
 - (i) Berbaju kebaya panjang sutera.
 - (ii) Berkain benang emas.
 - (iii) Berselendang sutera.

(i) Bagi Bentara Perempuan.

- (i) Berbaju kebaya panjang hitam.
- (ii) Berkain sutera merah murap.
- (iii) Berselendang limau dililit di pinggang.
- (iv) Bertentangan kuning emas tersampai di bahu sebelah kanan.

Di dalam majlis yang beristiadat tidak dibenarkan Raja-Raja, Toh-Toh Puan dan lain-lain yang tersebut di atas memakai lain daripada yang telah dikhaskan.



Pakaian Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan.



Pakaian Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri.



Pakaian Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda.



Pakaian Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar.



Pakaian Duli Yang Amat Mulia Raja Di Hilir.



Pakaian Duti Yang Amat Mulia Raja Puan Muda.



Pakaian Duli Yang Amat Mulia Raja-Raja Bergelar.



Pakaian Duli Yang Amat Mulia Istri Raja-Raja Bergetar.



Pakaian Orang Besac Empat.



Pakaian Istri Orang Besar Empat.



Pakaian Orang Besar Lapan.



Pakaian Isteri Orang Besar Lapan.



Tali Mula Orang Besar Empat.



Pakaian Tok Muda Orang Besar Lapan.



Pakaian Orang Besar Enam Belas.



Pakaian Orang Besar Tiga Puluh Dua.



Pakaian Paranglima-Panglima Istawa.



Paksiwa Benteng Istana



Pakaian Bentara Perempuan.

BIBLIOGRAFI

Adat Lembaga Orang-Orang Melayu Di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuani Daripada Zaman Purbakala, Madba'atu-Ziniah, Taiping, Perak, 1935.

Raja Chulan, *Misa Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1962.

Tok Muda Raja Razman bin Raja Abdul Hamid, P.E.K. *Hulu Perak Dalam Sejarah*, Regina Press, Ipoh, 1963.

Government Printer: Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak, Kuala Lumpur, 1960.

Wilkinson, R.J., *Malay -- English Dictionary* (Romanized) Part II.

Cenderamata Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Idris Al-Mutawakkil Allahi Shah, 1963.

Shellabear, W.W., *Sejarah Melayu*, Malay Literature Series No. 9, Malaya Publishing House Ltd., Singapore, 1954, Cetakan Keenam.

Buyong Adil, *Sejarah Alam Melayu*, Malaya Publishing House Ltd., Singapore, 1963. Penggal V.

Tardjan Hadidjaja, *Adat Raja-Raja Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.

Gullick, J.M., *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, University of London, The Athlone Press, London 1958.

Abdullah Hj. Musa (Labis), *Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang*, Qalam, Singapura.